

Penerapan Nilai Patriotisme dalam Pengajaran Sejarah Sekolah Rendah: Cabaran Pelaksanaannya dalam Kalangan Guru Pelatih

Nurhijrah Zakaria*, Hamid Salleh, Mazuki Abd Razak, Mansor Abd Rahman, Anisah Harun & Hasnul Hadi Tengah

Jabatan Sains Sosial, Institut Pendidikan Guru Kampus Dato' Razali Ismail, 21030 Kuala Nerus, Terengganu Darul Iman, Malaysia

ABSTRAK

Penerapan nilai patriotisme di sekolah merupakan satu perkara penting untuk melahirkan generasi muda yang cinta terhadap negara. Kajian ini bertujuan untuk meneroka kaedah yang digunakan oleh guru pelatih bidang Sejarah untuk menerapkan nilai patriotisme kepada murid sekolah rendah semasa proses pengajaran dan pembelajaran serta cabaran pelaksanaannya. Kajian yang menggunakan reka bentuk kajian kes ini telah dijalankan terhadap tiga orang guru pelatih yang mengambil mata pelajaran Sejarah sebagai kursus elektif yang sedang menjalani praktikum di sekolah rendah di Daerah Kuala Nerus, Terengganu. Pengumpulan data menggunakan kaedah senarai semak permerhatian, temu bual bersempua secara dalam talian dan analisis dokumen. Instrumen yang digunakan ialah protokol temu bual separa berstruktur serta borang analisis dokumen Rancangan Pengajaran Harian. Data dianalisis menggunakan pendekatan bertema dan triangulasi digunakan untuk tujuan pengesahan dan kebolehpercayaan data kajian. Hasil analisis mendapat, peserta kajian menerapkan nilai patriotisme dalam proses pengajaran dan pembelajaran melalui aktiviti pembelajaran, penjelasan nilai, penegasan nilai, penyisipan nilai, latihan dan soal jawab dan melalui contoh teladan yang baik. Cabaran yang dihadapi oleh peserta kajian dalam menerapkan nilai patriotisme ialah penggunaan masa pengajaran yang terhad, mengutamakan penyampaian kandungan isi pelajaran, aktiviti pembelajaran nilai patriotisme kurang pelbagai, gangguan karenah murid serta pengaruh luaran. Kajian ini memberi implikasi kepada penambahbaikan terhadap perancangan dan amalan pengajaran penerapan nilai patriotisme dalam kalangan guru pelatih bidang Sejarah di sekolah rendah. Kepelbagaiannya kaedah penerapan nilai perlu diberi pendedahan diamalkan dan dilaksanakan oleh guru-guru bagi meningkatkan keberkesanan pengajaran mereka.

Kata Kunci: Patriotisme, Penerapan Nilai, Mata Pelajaran Sejarah, Guru Pelatih

ABSTRACT

The implementation of patriotism values in schools represents the vital element to produce the younger generation who embrace the country. This study aims to identify and explore the methods used by History trainee teachers by applying the value of patriotism among students during the teaching and learning process. This case study was conducted on three History trainee teachers in primary schools in Kuala Nerus district, Terengganu. Data collection is through face-to-face interviews and online using semi-structured interview protocols and checklists and Rancangan Pelajaran Harian analysis. Data analysis was done by applying a thematic approach and the triangulation process is performed for validation and reliability of the data. The analysis found that the participants applied the value of patriotism in the teaching and learning process through learning activities, value explanation, value assertion, value insertion, training and question and answer and through good role models. The challenges faced by the study participants in applying the values of patriotism are limited teaching time, prioritizing the delivery of content, learning activities of less diverse patriotism values, students' excuses and external influences. This study has implications for the improvement of planning and teaching practice of the implementation of patriotic values among History trainee teachers in primary schools. A variety of value implementation methods need to be given exposure to be practiced and attempted by trainee teachers to improve the effectiveness of their teaching.

Keywords: Patriotism, Implementation of Values, History Subject, Teacher Trainee

* Corresponding author: nurhijrah@ipgm.edu.my
eISSN: 2462-2079 © Universiti Putra Malaysia Press

PENDAHULUAN

Kebanyakan definisi patriotisme yang digunakan pada hari ini merujuk kepada konsep yang dijelaskan oleh sarjana terdahulu iaitu mengenai perasaan cintakan tanah air. Perasaan cinta kepada tanah air merujuk kepada kepercayaan individu atau kelompok masyarakat untuk mempertahankan tanah airnya daripada anasir-anasir jahat (Gomberg 2002). Dalam Kamus Dewan Bahasa (2004), patriotisme didefinisikan sebagai perasaan cinta yang kuat terhadap tanah air. Dalam konteks negara kita, Nordin (2003) menyatakan konsep patriotisme bukan sahaja mengenai perasaan tetapi perlu dihubungkaitkan dengan tingkah laku yang menjurus kepada kecintaan dan kesetiaan kepada negara. Cinta yang mendalam kepada tanah air sendiri dapat diterjemahkan melalui usaha mencapai matlamat dan aspirasi negara, kesanggupan membela dan menjadi benteng untuk mempertahankan negara. Hal ini bermakna seseorang yang mempunyai semangat patriotik perlu menanamkan perasaan sayang kepada negara dan menunjukkan tingkah laku yang menggambarkan kebolehan menjaga dan mempertahankan tanah airnya serta setia kepada negara. Walau bagaimanapun konsep patriotisme ini mungkin boleh berubah pada masa akan datang berdasarkan tuntutan dan keadaan semasa (Saifuddin 2005). Semangat patriotisme penting dalam kalangan rakyat sesebuah negara kerana ia merupakan satu alat untuk menimbulkan persefahaman, penyatuhan, pemacu kemajuan negara dan pelaburan strategik keselamatan negara (Ku Hasnita & Mohd Haizam 2011). Perasaan kecintaan kepada negara yang sama dapat melahirkan rasa kekitaan dan kebersamaan yang secara tidak langsung akan mewujudkan persefahaman dalam kalangan rakyat di negara ini. Rakyat yang mempunyai semangat patriotik yang tinggi lebih bertanggungjawab untuk menjaga dan mempertahankan keselamatan negara kerana kecintaan terhadap tanah air sendiri. Dalam era globalisasi yang penuh dengan pelbagai cabaran dan persaingan, semangat patriotik dapat dijadikan benteng untuk menangkis ancaman anasir negatif.

Sehubungan dengan itu, pendidikan ialah wadah terbaik untuk membangunkan jiwa dan nilai patriotisme agar semangat ini dapat ditanam lebih awal dan diperkuuhkan serta dibugarkan dari masa ke semasa. Falsafah Pendidikan Kebangsaan menterjemahkan nilai patriotisme dalam pendidikan melalui usaha untuk melahirkan rakyat Malaysia yang berilmu pengetahuan, berketerampilan, berakhhlak mulia, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri, serta memberi sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran keluarga, masyarakat dan negara. Falsafah Pendidikan Kebangsaan ini diterjemahkan dalam kurikulum pendidikan kebangsaan agar hasrat murni ini dapat dipacu melalui pendidikan. Dalam kurikulum persekolahan, penghayatan semangat patriotisme dan perpaduan merupakan salah satu elemen yang diberi fokus dalam tunjang kemanusiaan. Mata pelajaran Kemanusiaan seperti Sejarah dilihat sebagai wadah terbaik untuk membentuk generasi muda yang berjiwa patriotik. Pemupukan semangat patriotisme dalam kalangan murid dinyatakan dengan jelas pada bahagian aspirasi murid dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025. Semangat patriotik perlu dipupuk dalam diri setiap murid dengan cara memahami sejarah negara dan berkongsi aspirasi yang sama untuk masa depan negara (KPM 2014). Fatih et al. (2006) berpendangan, kesedaran terhadap sejarah negara, perkongsian nilai budaya dan kebebasan serta kedaulatan wilayah juga adalah elemen penting untuk membugarkan semangat patriotisme dalam kalangan pelajar. Penerapan nilai patriotisme ini penting kerana murid di sekolah merupakan generasi yang akan mencorakkan pembangunan dan kepimpinan negara pada masa depan (Anuar et al. 2015).

Semangat patriotisme perlu diterap dalam pendidikan negara terutama dari sekolah rendah dan pendidik perlu menyemai semangat patriotisme dengan lebih kreatif supaya pelajar dapat menjawai dengan lebih mendalam (Muhamad Azian & Mohamed Ali Haniffa 2018). Guru perlu memainkan peranan yang penting dalam penerapan nilai patriotisme kerana nilai ini merupakan salah satu aspirasi dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 yang perlu dicapai. Kajian oleh Ku Hasnita dan Mohd Haizam (2011) mendapati proses pengajaran dan pembelajaran di peringkat sekolah rendah dan menengah mampu menjadi alat pemahaman, pemupukan dan pemerkasaan semangat patriotisme dalam kalangan pelajar (Muhamad Azian & Mohamed Ali Haniffa 2018). Pemupukan nilai ini akan lebih terarah jika disampaikan melalui sistem pendidikan formal yang jelas struktumnya (Mohamad Khairi dan Asmawati 2010). Mohamad Noor (2006), pembelajaran nilai patriotisme perlu melalui perbincangan secara langsung sebagai satu nilai moral agar pelajar dapat lebih menghayati nilai. Matlamat penerapan nilai melalui pendidikan ialah melahirkan insan dan juga warganegara yang baik serta memiliki akhlak mulia. Kurangnya penekanan nilai oleh guru dalam mata pelajaran tersebut mungkin boleh menyebabkan pelajar kurang dapat melihat perkaitan sesuatu ilmu dengan pembangunan nilai (Mohamad Khairi & Asmawati 2010).

Pada peringkat sekolah rendah, Sejarah adalah mata pelajaran teras dalam Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) yang wajib dipelajari oleh semua murid mulai Tahun 4 sehingga Tahun 6. Kurikulum Sejarah di peringkat sekolah rendah bertujuan untuk mendedahkan murid dengan perkembangan ilmu pengetahuan, kemahiran dan pengamalan nilai serta penerapan semangat jati diri sebagai warganegara Malaysia. KSSR Sejarah bertujuan untuk melahirkan murid yang mempunyai pengetahuan sejarah, memahami perkembangan sejarah tanah air dan memiliki kesedaran sejarah serta meningkatkan semangat cinta akan negara (Bahagian Pembangunan Kurikulum 2017). Pengetahuan tentang sejarah negara diperkuuhkan dengan Kemahiran

Pemikiran Sejarah serta penerapan nilai melalui penghayatan Elemen Kewarganegaraan dan Nilai Sivik. Kesepadan aspek pengetahuan, kemahiran dan nilai ini dapat memberi pemahaman kepada murid dalam membina semangat patriotisme dan jati diri sebagai rakyat Malaysia yang bertanggungjawab kepada negara. Bagi memastikan matlamat pemupukan nilai patriotisme tercapai, guru-guru perlu kompeten untuk mengajar Sejarah. Guru-guru praperkhidmatan perlu dilatih agar mereka juga memahami dan mahir melaksanakan pengajaran berkaitan aspek nilai. Sebagai kumpulan yang bertanggungjawab membina modal insan bagi meneruskan kesinambungan warisan negara, guru pelatih dalam bidang Sejarah harus mempunyai kesedaran, memahami dan mempunyai kemahiran untuk menerapkan nilai patriotisme.

SOALAN KAJIAN

Berdasarkan tujuan kajian dijalankan, terdapat dua soalan kajian dikemukakan iaitu :

- a) Bagaimakah guru pelatih Elektif Sejarah menerapkan nilai patriotisme dalam proses pengajaran dan pembelajaran ketika menjalani praktikum?
- b) Apakah cabaran yang dihadapi oleh guru pelatih Elektif Sejarah untuk menerapkan nilai patriotisme ketika proses pengajaran dan pembelajaran?

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini bertujuan untuk meneroka kaedah yang digunakan oleh guru pelatih bidang Sejarah untuk menerapkan nilai patriotisme kepada murid sekolah rendah semasa proses pengajaran dan pembelajaran serta cabaran pelaksanaannya. Kajian yang menggunakan reka bentuk kajian kes ini telah dilaksanakan terhadap tiga orang guru pelatih Elektif Sejarah di salah sebuah Institut Pendidikan Guru di Zon Timur yang telah menjalani praktikum Fasa 1 di sekolah rendah di daerah Kuala Nerus, Terengganu. Peserta kajian dipilih menggunakan kaedah pensampelan bertujuan iaitu subjek yang boleh memberi data yang maksimum dan bermakna kepada kajian. Dalam kajian ini, pengkaji telah memilih guru pelatih Elektif Sejarah yang cemerlang dalam praktikum fasa 1. Pengumpulan data dibuat melalui kaedah pertama, pemerhatian terhadap video rakaman pengajaran dan pengajaran, kedua temu bual dan ketiga analisis dokumen RPH. Pengkaji menyesuaikan proses pengumpulan data dengan kebiasaan baharu dalam situasi penularan wabak Covid-19 yang sedang melanda seluruh dunia dengan melaksanakan pemerhatian PdP melalui rakaman video sahaja. Temu bual bersemuka dengan ketiga-tiga peserta kajian secara dalam talian melalui Google Meet. Temu bual secara berkumpulan (*Focus Group Interview*) ini dapat menjimatkan masa serta dapat mencungkil lebih banyak idea kerana setiap peserta kajian dapat memberi respon dan berkongsi jawapan terhadap isu yang dikemukakan. Temu bual diadakan secara *informal* dengan menggunakan protokol temu bual separa berstruktur. Data temu bual dan data daripada borang senarai semak dianalisis menggunakan pendekatan analisis bertema. Data juga dibuat pembersihan terlebih dahulu dan triangulasi dibuat bagi mendapatkan kesahan dan kebolehpercayaan terhadap data kajian. Maklumat lanjut mengenai peserta kajian adalah seperti dalam Jadual 1.

JADUAL 1
Latar Belakang Peserta Kajian

Kod Peserta Kajian	Jantina	Kohort Ambilan	Tanggungjawab mengajar
PK1	Perempuan	Jun 2018	Tahun 4, Tahun 5
PK2	Perempuan	Jun 2018	Tahun 5, Tahun 6
PK3	Lelaki	Jun 2018	Tahun 4, Tahun 6

DAPATAN KAJIAN

Dapatan kajian 1 menunjukkan cara guru pelatih Elektif Sejarah menerapkan nilai patriotisme dalam proses pengajaran dan pembelajaran iaitu melalui aktiviti pembelajaran, penjelasan nilai, penegasan nilai, penyisipan nilai, latihan dan soal jawab dan melalui contoh teladan yang baik. Keterangan lanjut mengenai perkara ini adalah seperti berikut:

Aktiviti Pembelajaran

Berdasarkan analisis temu bual, PK1, PK2 dan PK3 didapati mengajar nilai melalui aktiviti pembelajaran yang dirancang seperti membuat tayangan video yang dimuat turun daripada YouTube terutamanya bagi menerapkan nilai patriotisme bagi topik-topik yang memerlukan murid membuat imaginasi masa lampau. Bagi topik Tahun 4

Zaman Air Batu, PK1 dan PK2 membuat tayangan video agar murid memahami kepentingan menjaga alam sekitar dengan memberi gambaran situasi zaman air batu dan kesan perubahan iklim serta tayangan video bagi topik Kerajaan Melayu Awal. PK2 juga menerapkan nilai patriotisme melalui tayangan video mengenai manusia Zaman Pra Sejarah dan Tokoh Terbilang Kesultanan Melayu Melaka. Bagi Tahun 5, PK2 menerapkan nilai mentaati raja dan negara serta menghormati pemimpin negara melalui tayangan video bagi tajuk Institusi Yang Di Pertuan Agong, Identiti Negara Kita dan Pencapaian dan Kebanggaan Negara. PK1 dan PK2 juga menerapkan nilai-nilai patriotisme kepada murid melalui aktiviti lakonan. PK1 melaksanakan aktiviti lakonan bagi mengajar topik Tokoh Terbilang Kesultanan Melayu Melaka. Menurut PK1, aktiviti lakonan dapat membantu murid menghayati watak tokoh-tokoh terbilang pada zaman Kesultanan Melayu Melaka dan secara tidak langsung dapat menjadikan murid menghayati dan menghargai jasa pemimpin negara.

Penjelasan Nilai

PK1, PK2 dan PK3 memaklumkan bahawa elemen Kewarganegaraan dan Nilai Sivik ada dijelaskan kepada murid ketika PdP. PK menjelaskan nilai patriotisme semasa proses PdP Sejarah untuk memberi pemahaman mengenai kepentingan dan tanggungjawab murid terhadap negara berdasarkan tajuk yang dipelajari. Semua PK ada membuat penjelasan nilai patriotisme dengan memberi penerangan mengenai kepentingan nilai tersebut dan akibat jika tidak mengamalkan nilai berkenaan. PK1 juga memaklumkan bahawa elemen patriotisme yang diajar perlu disebut, diulang, dijelas kepada murid agar difahami.

Selain penjelasan nilai oleh guru, rakaman PdP PK2 menunjukkan, murid juga diminta menjelaskan kefahaman mereka terhadap nilai-nilai patriotisme yang dipelajari. Bagi mendapatkan penjelasan daripada murid, PK1 selalu mengemukakan soalan kepada murid. Sebagai contohnya bagi Tahun 4, PK1 meminta murid untuk menyatakan kenapa mereka perlu bangga kepada sekolah dan tempat tinggal masing-masing. Jawaban murid akan digunakan oleh guru untuk menghuraikan lebih lanjut mengenai kepentingan perasaan bangga terhadap sekolah dan tempat tinggal masing-masing. PK1 menambah, dengan adanya rasa bangga terhadap tempat sendiri, perasaan murid boleh dikembangkan lagi untuk menunjukkan rasa bangga terhadap negara sendiri sebagai tempat tinggal yang selamat. PK3 mengakui pendekatan yang sama digunakan tetapi ada masanya tidak sempat untuk memberi penjelasan mendalam mengenai nilai-nilai yang sepatutnya dipelajari. PK2 menambah, kadang-kadang beliau meminta murid sendiri untuk menjelaskan kepentingan nilai patriotisme dengan menghormati Lagu Kebangsaan, Bendera Malaysia dan Jata Negara. PK3 menyatakan penerapan nilai boleh dilaksanakan melalui soal jawab antara guru dan murid. Semua PK juga percaya, penjelasan guru mengenai nilai patriotisme dapat memberi kefahaman murid kepada murid seperti sayang, patuh dan taat setia kepada negara. Berdasarkan analisis terhadap RPH, antara aktiviti yang dijalankan oleh peserta kajian ialah kajian kes, tayangan video, lakonan, permainan, inkuiri dan sebagainya. PK1 dan PK2 yang mengajar Sejarah Tahun 4 dan Tahun 5 menyatakan nilai-nilai patriotisme diterapkan melalui kajian kes yang dijalankan seperti Sekolah Saya dan Tempat Tinggal Saya. Dalam pembentangan hasil kajian, murid diminta membuat penjelasan mengenai perlunya perasaan bangga kepada sekolah dan menghargai tempat tinggal masing-masing.

Penegasan Nilai

Analisis rakaman mendapati, penegasan nilai kepada murid juga merupakan salah satu cara untuk menerapkan nilai-nilai dalam PdP kepada murid. Penegasan nilai boleh dikenal pasti melalui nilai-nilai patriotisme disebut berulang-ulang kali. Sebagai contohnya PK1 menyebut nilai menghargai sumbangan pemimpin kepada negara berulang kali bagi membangkitkan rasa hormat dan menghargai sumbangan pemimpin negara. PK3 juga menyatakan bahawa nilai-nilai yang penting perlu diulang-ulang semasa mengajar supaya murid lebih ingat dan faham kenapa mereka perlu tahu tentang perkara itu. Temu bual PK1 mendapati guru menegaskan, perkara yang penting perlu disebut dengan nada suara yang lebih kuat dan intonasi yang lebih tinggi dan tegas agar murid mengetahui apa yang disebut guru adalah perkara yang perlu diberi perhatian. Bagi PK2 dan PK3, penegasan nilai juga dibuat semasa membuat rumusan isi pelajaran. PK2 menambah bahawa sebelum menutup sesi PdP, guru boleh bertanya kembali ke murid dan membuat rumusan tentang nilai-nilai patriotisme yang dipelajari oleh murid.

Latihan dan Soal Jawab

Pemerhatian terhadap rakaman dan temu bual mendapati, penerapan nilai secara langsung juga dilaksanakan melalui latihan yang diberi sebaik sahaja satu-satu topik selesai diajar. Soalan latihan yang dikemukakan sama ada dalam bentuk aneka pilihan, suai padan, mengisi tempat kosong dan juga struktur. PK1 dan PK2 menyatakan dengan menjawab soalan latihan, murid boleh mengenalpasti dan memahami nilai kewarganegaraan yang dipelajari. PK3 menambah, melalui latihan, akan memantapkan kefahaman murid terhadap nilai yang dipelajari. PK juga sentiasa bersoal-jawab dengan murid untuk mendapatkan kefahaman murid mengenai nilai patriotisme. PK1 mengakui, bersoal jawab dapat menjadikan murid berfikir tentang nilai yang perlu diamalkan.

Penyisipan Nilai

Berdasarkan pemerhatian, penerapan nilai patriotisme kebanyakannya dibuat secara sisipan sahaja. Hasil temu bual mendapati, peserta kajian mengakui mereka agak kurang mahir dalam menerapkan unsur-unsur patriotisme secara berkesan. Perkara ini dinyatakan oleh PK2 dan PK3. Kebanyakan kaedah yang digunakan adalah menerangkan sahaja nilai-nilai patriotisme yang perlu dihayati oleh murid. Beliau juga mengakui agak sukar untuk mengetahui sama ada murid sudah menghayati nilai yang diajar atau tidak. Apa yang boleh dikesan ialah dengan meminta murid menyebut kembali nilai-nilai yang diajar oleh guru. PK3 juga bersepakat bahawa beliau banyak menyatakan kembali murid mengenai nilai-nilai patriotisme yang dipelajari. PK2 dan PK3 mengakui penerapan nilai patriotisme selalu secara penyisipan nilai melalui aktiviti yang dijalankan. Berdasarkan pemerhatian rakaman PdP/PK2, nilai menghargai harta awam disisipkan ketika murid membuat perbincangan kumpulan. PK3. PK1 mengakui walaupun nilai patriotisme dinyatakan dalam RPH, tetapi kadangkala tidak sempat untuk menerapkan secara langsung. Nilai-nilai patriotisme hanya sekadar disebut semasa membuat kesimpulan pada akhir sesi PdP. Pemerhatian rakaman PdP/PKI membuktikan bahawa nilai menghormati simbol-simbol negara hanya disebut semasa membuat rumusan pengajaran sahaja.

Pengajaran melalui cerita atau peristiwa yang berlaku juga merupakan salah satu cara yang digunakan untuk mengajar nilai-nilai patriotisme. Bagi PK1, apabila mengajar nilai-nilai patriotisme, perkara utama yang diberi perhatian ialah bercerita kepada murid tentang sesuatu nilai yang akan diajar dan kenapa nilai berkenaan perlu penting untuk dihayati oleh murid. Di samping itu juga perkara dan isu semasa yang berlaku di luar juga boleh digunakan untuk mengajar nilai-nilai patriotisme kepada murid.

Menunjukkan Contoh yang Baik

Dalam penerapan nilai, perwatakan peribadi guru sebagai suri teladan merupakan salah satu kaedah tidak langsung dalam penerapan nilai. Pegangan nilai guru dapat dikenal pasti melalui komunikasi dan tingkah laku mereka. Tingkah laku dan komunikasi yang terzahir di hadapan murid akan diperhatikan oleh murid. Temu bual mendapati, semua PK bersepakat bahawa guru adalah contoh dan suri teladan kepada murid. Penjelasan PK mengenai perkara ini adalah seperti pernyataan berikut.

“jika nak anak murid kita jadi baik, hormat dan bangga kepada negara, kita guru ni kena tunjukkan nilai seperti itu kepada mereka”(PK1)

“guru adalah acuan karakter murid... kita yang design murid kita nak jadi apa. Kita kena tunjukkan yang positif kepada murid, baru murid ikut jadi positif” (PK2)

tunjuk yang baik-baik... murid akan mencontohi kita PK3)

Rumusan temu bual, walaupun semua PK mengakui penerapan nilai patriotisme adalah satu perkara penting, tetapi keberkesanannya pelaksanaannya bergantung kepada pengajaran guru. Bagi PK1, guru perlu sentiasa menerapkan nilai patriotisme dalam PdP masing-masing. PK2 bersetuju pembelajaran murid bergantung kepada pengajaran guru. Menurutnya: “murid akan belajar apa yang diajar oleh guru. Jika hari ini guru mengajar tentang Taat Setia kepada negara, maka murid akan belajar perkara yang sama. Cuma guru buat sesuatu untuk memastikan mereka dapat belajar”. PK3 menambah, “jika seseorang guru dapat merancang dengan baik, mengajar dengan baik, insyaAllah murid akan belajar dengan baik”. PK3 juga berpandangan, jika guru memahami dan mahir menggunakan pelbagai kaedah dalam penerapan nilai dalam PdP, hasrat negara untuk mencapai pendidikan bertaraf dunia serta para pelajar di negara ini akan menguasai unsur patriotisme seperti semangat cintakan negara, semangat kekitaan, berbangga sebagai rakyat Malaysia, berdisiplin, bersyukur, tabah menghadapi cabaran, mematuhi peraturan, berakhlik dan berbudi pekerti, menghargai, mengamalkan tradisi dan budaya bangsa dapat dicapai dengan sempurna.

Dapatkan kajian 2 menunjukkan cabaran yang dihadapi oleh guru pelatih untuk menerapkan nilai patriotisme ialah berkaitan penggunaan masa pengajaran yang terhad, mengutamakan penyampaian kandungan isi pelajaran, aktiviti pembelajaran nilai patriotisme kurang pelbagai, gangguan karenah murid serta pengaruh luaran. Penerangan mengenai perkara ini seperti berikut:

Penggunaan Masa Pengajaran yang Terhad

Temu bual bersama PK mendapati waktu PdP Sejarah hanya diperuntukan selama 30 minit tidak mencukupi bagi guru untuk menerapkan nilai patriotisme secara berkesan. Masa 30 minit itu juga terpaksa digunakan untuk mengurus murid sebelum murid bersedia untuk belajar. Semua PK berpendapat bahawa masa yang benar-benar PdP hanya 20 minit sahaja. PK1 menyatakan, banyak gangguan kelas jika PdP bermula awal pagi atau selepas rehat ataupun waktu yang terakhir. Jika waktu pagi, PK2 memberitahu, guru terpaksa mengambil masa PdP

untuk menguruskan kehadiran ataupun mengambil suhu murid untuk menyesuaikan dengan keadaan normal baharu sebelum PdP dapat dijalankan. PK3 menambah, guru juga perlu mengambil masa PdP untuk menguruskan tingkah laku murid agar mereka bersedia mengikuti pembelajaran pada waktu itu.

Mengutamakan Penyampaian Kandungan Isi Pelajaran

Analisis terhadap rakaman video dan transkrip temu bual, semua peserta kajian mengakui masa PdP Sejarah yang singkat menyebabkan beliau banyak menyampaikan isi kandungan pembelajaran kepada murid berbanding dengan penghayatan nilai patriotisme itu sendiri. Murid diminta untuk mengingat fakta-fakta Sejarah yang terkandung dalam buku teks. PK2 turut mengakui standard kandungan Sejarah KSSR yang ditetapkan agak tinggi menyebabkan murid agak sukar untuk mencapai standard pembelajaran yang ditetapkan termasuklah objektif pembelajaran berkaitan dengan kewarganegaraan. PK3 menambah semasa PdP beliau banyak bertanya murid tentang fakta yang berkaitan dengan tajuk pelajaran pada masa itu sebagai salah satu cara untuk menguji kefahaman murid tentang apa yang dipelajari berbanding dengan penghayatan nilai patriotisme. PK3 juga mengakui kadang kala beliau hanya sempat menyebut beberapa nilai sahaja semasa PdP. PK2 menambah, pengetahuan sedia ada murid yang sedikit mengenai sejarah menjadikan penerapan nilai patriotisme tidak dapat dilaksanakan sepenuhnya kerana guru mengutamakan penyampaian tentang isi pelajaran yang harus dipelajari oleh murid.

Aktiviti Pembelajaran Nilai Patriotisme Kurang Pelbagai

Berdasarkan analisis data temu bual juga, didapati guru kurang mempelbagaikan aktiviti penerapan nilai. Semua PK mengakui, penerapan nilai patriotisme banyak dilakukan secara tidak langsung semasa proses PdP. PK menyatakan mereka akan menyelitkan unsur-unsur patriotisme dalam PdPc bergantung kepada topik yang diajar. PK1 menyatakan: saya terangkan nilai patriotisme seperti menghargai sumbangan tokoh kemerdekaan supaya murid faham. PK2 pula menyatakan: “kadang-kadang saya sebut nilai patriotisme tu bila terlintas je... ikut pada apa yang diajarlah”. PK3 mengakui bahawa beliau merancang aktiviti pembelajaran dengan memberi fokus kepada fakta dalam buku teks sebab murid selalu tak ingat.

Gangguan Karenah Murid

Berdasarkan pemerhatian rakaman video, tingkah laku murid yang negatif semasa PdP seperti membuat bising, mengganggu rakan juga menjadi cabaran kepada guru untuk menerapkan nilai patriotisme. Kelas yang tidak terkawal menyebabkan guru sukar untuk melaksanakan aktiviti bagi mencapai standard pembelajaran yang dirancang. Temu bual dengan PK1 mendapati PK1 mengakui, jika guru tidak dapat mengawal kelas, pembelajaran terganggu dan penerapan nilai patriotisme juga selalunya tidak dapat dilaksanakan secara berkesan. Hal ini kerana guru terpaksa mengambil masa untuk menguruskan tingkah laku murid agar murid bersedia untuk belajar. PK2 juga bersetuju bahawa jika murid banyak karenah di dalam bilik darjah semasa sesi PdP, banyak objektif pembelajaran sukar untuk dicapai. PK3 juga menambah bahawa bagi menjayakan objektif pembelajaran, guru seharusnya dapat mengawal kelas dan tingkah laku murid. Sekiranya cabaran ini tidak dapat diatasi, usahakan pembelajaran nilai, objektif pembelajaran yang lain juga tidak dapat dicapai.

Pengaruh Luaran

PK1 dan PK2 mempunyai pandangan yang sama iaitu percanggahan pandangan antara ibu bapa dan media dengan nilai patriotisme yang mahu diterapkan oleh guru juga memberi kesan kepada proses penerapan nilai patriotisme dalam kalangan murid. PK1 dan PK2 memberi contoh seperti nilai taat setia kepada pemimpin agak sukar diterapkan kepada murid apabila berlaku percanggahan pandangan mengenai konsep taat setia yang berbeza pandangan politik. PK2 menambah, kesedaran semangat patriotik dalam kalangan keluarga dan masyarakat setempat juga boleh mempengaruhi penghayatan nilai patriotisme dalam kalangan murid.

PERBINCANGAN DAN KESIMPULAN KAJIAN

Semangat patriotik perlu dipupuk kepada generasi muda sejak awal lagi. Taib Osman (2005) semangat patriotisme tidak datang bergolek, tetapi perlu diasuh, dipupuk dan memerlukan satu visi yang jelas. Pendidikan memainkan peranan yang penting dalam melaksanakan strategi untuk menerapkan nilai-nilai murni dalam diri pelajar (Anuar et al. 2015). Sesuatu pendidikan tidak akan bermakna dan sempurna sekiranya tidak diintegrasikan dengan penerapan nilai murni kerana nilai akan mencorakkan pemikiran dan tingkah laku seseorang (Mohamad Khairi & Asmawati 2010). Walaupun wujud masalah dalam menerapkan nilai patriotisme yang disebabkan oleh beberapa faktor seperti masa PdP yang terhad, kemahiran dan kreativiti guru, tingkah laku murid, pengaruh persekitaran dan media serta percanggahan sudut pandangan yang berbeza, guru masih percaya bahawa peranan guru adalah penting. Untuk meningkatkan penghayatan nilai patriotisme, guru perlu menjelaskan nilai, membuat penegasan nilai, memberi kefahaman dan menjadi suri teladan sebagai seorang

yang patriotik (Nurhijrah, 2017). Patriotisme juga tidak semestinya diajar dalam mata pelajaran pengajian sosial, malah boleh diajar dalam mata pelajaran yang lain. Untuk memupuk semangat patriotisme, kemahiran pemikiran kritis juga perlu dilatih kepada pelajar di samping mengamalkan nilai menghormati dan toleransi.

Dapatkan kajian menunjukkan banyak kaedah penerapan nilai yang belum diteroka oleh guru kerana kebanyakan guru masih menganggap nilai patriotisme boleh diajar secara tidak langsung sahaja. Kebanyakan guru bukan sahaja guru pelatih lebih menggunakan pendekatan secara tidak langsung berbanding secara langsung kerana guru masih lagi mencari-cari kaedah penerapan nilai patriotisme secara langsung yang berkesan. Beberapa kaedah pengajaran nilai moral seperti yang diperkenalkan oleh Kohlberg (1991), Raths et.al (1966), Lickona (1993) boleh dijadikan panduan untuk melaksanakan aktiviti pembelajaran nilai secara langsung. Lickona (1993) yang mengasaskan pendidikan karakter, telah mencadangkan pengajaran nilai secara langsung agar pembelajaran menjadi lebih berkesan dan hasil pembelajaran boleh diperhatikan di dalam bilik darjah. Melalui pendekatan secara langsung, murid perlu memahami, menganalisis dan menerima konsep-konsep asas yang ditegaskan dalam setiap nilai moral sebelum menghayatinya dan mengambil keputusan yang berautonomi ke atas isu-isu moral berlandaskan kepada prinsip-prinsip moral yang sarwajagat.

Isu mengenai masa PdP yang terhad yang menyebabkan guru pelatih kurang kesempatan untuk memupuk semangat patriotisme selari dengan dapatan kajian oleh Anuar et al. (2015). Masa PdP yang kurang mencukupi menyebabkan domain afektif seperti pemikiran nilai-nilai patriotisme berdasarkan isi kandungan Sejarah kurang diberikan tumpuan semasa proses PdP. Kebanyakan guru telah mengabaikan unsur patriotisme dan nilai murni dalam proses PdP. Guru-guru dilihat lebih menekankan pengajaran fakta-fakta sejarah yang terdapat di dalam buku teks berbanding dengan pembelajaran nilai. Pengajaran nilai patriotisme yang disisipkan secara tidak langsung dalam mengingat semula peristiwa sejarah melalui penghafalan sudah semestinya kurang mencapai tahap penghayatan nilai yang lebih tinggi.

Penerapan nilai patriotisme merupakan pembelajaran yang menggerakkan domain afektif murid dan tahap penguasaan pembelajaran nilai dapat dilihat dalam taksonomi afektif. Allen & Freidman (2010) menyatakan walaupun pembelajaran nilai melibatkan pembelajaran afektif, tetapi sebenarnya untuk kefahaman yang lebih mendalam, aspek kognitif perlu diberi perhatian kerana pembelajaran nilai juga memerlukan murid berfikiran kritis. Dalam pengajaran nilai, Veugelers dan Vedder (2003) menyarankan, ransangan nilai dan komunikasi yang lebih baik perlu diberi oleh guru agar murid dapat berfikir secara aktif dan memberi respons terhadap nilai yang dibincangkan. Pemupukan nilai patriostisme kepada murid dapat dilaksanakan melalui kepelbagaiannya kaedah mengajar. Pembelajaran secara aktif menggalakkan murid berfikir, memberi respons, membuat penilaian, menyusun nilai dan bertindak yang akhirnya dapat membina keperibadian murid. Walaupun pembelajaran berpusatkan murid diutamakan dalam PdP, peranan dan cara guru mengajar tetap penting. Pengajaran guru secara didaktik dan cara guru menghuraikan nilai-nilai yang bercanggah dengan situasi juga merupakan satu amalan pengajaran yang dapat membantu murid belajar tentang nilai (Veugelers & Vedder 2003).

Anuar et al. (2015) mengakui bahawa, keterlibatan pelajar yang kurang memberangsangkan dalam proses PdP menyukarkan guru-guru untuk menerapkan nilai patriotisme melalui Pendidikan Sejarah secara berkesan. Untuk menjadikan pembelajaran yang berkesan, empat komponen iaitu pengetahuan kandungan, pengetahuan pedagogi kandungan, pengetahuan pedagogi umum serta pengetahuan tentang pelajar dan pembelajaran pelajar perlu diberi perhatian (Shulman 1986). Dalam banyak perkara, guru adalah suri teladan kepada murid-muridnya. Berdasarkan teori pembelajaran sosial (Bandura,1986), pembelajaran nilai berlaku berdasarkan peniruan tingkah laku orang yang lebih dewasa. Keberkesanannya pelaksanaan pendidikan kewarganegaraan dipengaruhi oleh pengetahuan, kepercayaan, sikap, tingkah laku dan persepsi guru tentang nilai kewarnegearaan. Kajian Nurhijrah (2017) mendapati, guru sejarah perlu menunjukkan semangat patriotik kerana guru adalah suri teladan yang boleh memberi pengaruh kepada kepercayaan dan pembentukan nilai kepada pelajar.

Perbezaan perspektif politik ibu bapa dengan kerajaan semasa juga menjelaskan penerimaan konsep patriotisme murid. Anuar et al. (2015) juga mendapati perspektif politik yang berbeza boleh mewujudkan pemahaman konsep patriotisme yang tidak homogen. Nilai patriotisme yang diajar kurang diterima oleh murid apabila wujudnya isu yang bercanggah dengan nilai-nilai yang diajar. Percanggahan ini menimbulkan konflik dalam pemikiran murid mengenai nilai-nilai patriotisme yang mahu diterapkan oleh guru. Konflik nilai dalam kalangan murid ini juga dipengaruhi oleh perasaan prejudis ibubapa terhadap mata pelajaran Sejarah yang dianggap sebagai satu indoktrinasi fahaman politik. Kefahaman tentang konsep patriotisme inilah yang perlu guru Sejarah jelaskan agar murid tidak memandang patriotisme sebagai satu perkara yang eksklusif kepada kumpulan tertentu sahaja. Patriotisme juga mampu membentuk elemen nilai-nilai yang sempit, inklusif, mewujudkan identiti kumpulan tertentu dan kecenderungan untuk mengaitkan diri kita rakan-rakan ahli kumpulan, iri hati membentuk dan membina sesuatu yang eksklusif untuk kumpulan sahaja, mencari musuh di luar untuk mengukuhkan semangat patriotisme dalam kalangan pelajar (Rohani Abdul Ghani et al. 2019). Cabaran seperti inilah yang memerlukan guru pelatih bijak menggunakan pelbagai kemahiran untuk membuat rasionalisasi

kepada murid supaya murid memahami dan menghayati nilai patriotisme dengan satu perasaan kekitaan sebagai rakyat Malaysia.

Penerapan nilai patriotisme penting bagi melahirkan anak bangsa yang cinta, menghargai dan bertanggungjawab kepada negara sendiri. Penerapan nilai ini perlu dimulakan sejak dibangku sekolah rendah lagi agar sebat dengan jiwa lebih baik. Guru pelatih juga memainkan peranan penting untuk menerapkan nilai patriotisme kepada murid bukan sahaja untuk mengetahui tentang nilai patriotisme malah sehingga murid boleh menghayati dan mengamalkan tingkah laku patriotik. Inisiatif guru untuk mempelbagaikan kaedah mengajar nilai patriotisme agar penerapan nilai patriotisme dilaksanakan secara lebih berkesan dilihat sebagai satu usaha yang sangat baik lebih-lebih lagi dalam keadaan negara yang masih berperang dengan penularan wabak Covid-19. Kefahaman guru yang jelas mengenai aspirasi pendidikan negara juga penting kerana guru akan menterjemahkan falsafah itu dalam bidang tugas masing-masing. Secara tidak langsung akan dapat merealisasikan hasrat Falsafah Pendidikan Kebangsaan untuk melahirkan insan yang holistik dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani yang dapat menyumbang kepada keharmonian dan kesejahteraan negara pada masa hadapan. Justeru itu, guru perlu bijak dan memainkan peranan penting dalam mendepani isu dan cabaran untuk menerapkan nilai patriotisme dalam PdP. Bagi mencapai tujuan ini, guru pelatih masih perlukan bimbingan daripada pensyarah agar penerapan nilai patriotisme dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan.

RUJUKAN

- Allen, K.N & Friedman, B.D (2010). Affective Learning: A Taxonomy for Teaching Social Work Values. *Journal of Social Work Values and Ethics*, 7(2), 1-12.
- Anuar Ahmad, Ling, Peter Huo Hang, Nur Atiqah Tang Abdullah (2015). Pengetahuan nilai patriotisme pelajar berdasarkan pembelajaran subjek Sejarah. *Malaysian Journal of Youth Studies*, 13, 95-116.
- Bandura, A. (1986). *Social Foundations of Thought and Action*. Englewood Cliffs, NJ: Prentice-Hall.
- Bahagian Pembangunan Kurikulum (2018). *Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran Sejarah KSSR Tahun 4*. Putrajaya: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Kamus Dewan Edisi Keempat (2004). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Fatih, O, Serdar, M & Arife, E (2016). Patriotisme as Perceived by Social Studies Teachers: An Outlook on the Individual, Society and Education. *PAU Egit Fak Derg*, 40, 205-218.
- Gomberg, P. (2002). Patriotism is like racism. Dlm. Primoratz, I. (Pnyt.). Patriotism, 105-112. London: Humanity Books.
- Kementerian Pendidikan Malaysia (2013). *Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025*. Putrajaya: Kementerian Pendidikan Malaysia. Diakses daripada <https://www.moe.gov.my/>
- Ku Hasnita & Mohd Haizam (2011). Kepentingan pendidikan patriotisme terhadap warganegara Malaysia. *Jati* 16, 23-34.
- Lickona, T. (1993). The Return of Character Education. *Educational Leadership*, 51(3), 6 -11.
- Mohamad Khairi Othman & Asmawati Suhid (2010). Peranan sekolah dan guru dalam pembangunan nilai pelajar menerusi penerapan nilai murni: Satu sorotan. *MALIM – SEA Journal of General Studies* 11, 117-130.
- Mohamad Noor Mohamad Taib. (2006). *Kesan pengajaran terus nilai dalam pengajaran dan pembelajaran sejarah bagi penerapan patriotisme*. Tesis Ijazah Doktor Falsafah. Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Muhamad Azian Saad, Mohamad Ali Haniffa (2018). Patriotisme dalam kalangan siswa guru Institut Pendidikan Guru di Malaysia. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, 3(22), 49-68.
- Nordin Kardi (2003) Konsep patriotisme. <http://www.btn.gov.my/kp>
- Nurhijrah Zakaria. (2017). *Elemen kompetensi pelbagai budaya dalam pengajaran dan pembelajaran bagi guru Sejarah*. Tesis Doktor Falsafah. Fakulti Pendidikan Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Raths, L. E., Harmin, M., & Simon, S. B. (1966). *Values and teaching*. Columbus: Merrill.
- Rohani Hj. Ab Ghani, Zulhilmi Paidi, Ahmad Shukri Abdul Hamid, Fahainis Mohd Yusof Nor Azlah Sham Rambely & Mohamed Ali Haniffa (2019). Pendidikan kenegaraan malaysia di institusi pendidikan tinggi: Satu tinjauan sorotan literatur terhadap kepentingan elemen kurikulum patriotisme dan nasionalisme dalam kalangan generasi Y. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, 4(24), 9-20.
- Saifuddin Abdullah. (2002). Patriotisme Alaf Baru. Kertas Kerja dibentangkan di *Kongres Patriotisme Negara, Institut Latihan Keselamatan Sosial KWSP*, anjuran Biro Tatanegara dan Universiti Utara malaysia, Bangi pada 22 - 28 Oktober 2002.
- Shulman, L. (1986). Those who understand: Knowledge growth in teaching. *Educational Researcher*, 15(2), 4-14.
- Veugelers, W. & Vedder, P. (2003). Values in teaching. *Journal Teachers and Teaching: Theory and practice*. 9(4), 377-389. Diakses daripada <https://doi.org/10.1080/1354060032000097262>